



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11/2021

**PENGGUNAAN FRASA “PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19” DALAM URUSAN
PENYEDIAAN SURAT RASMI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

RUJUK:

- A. Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ruj: JPA.BPP(S)193/6/84 Jld. 4 (4) bertarikh 26 Januari 2021.
1. Selaras dengan Proklamasi Darurat yang dibuat pada 12 Januari 2021 yang lalu dan sejajar dengan hasrat kerajaan supaya setiap penjawat awam menghayati dan memberi komitmen sepenuhnya kepada langkah-langkah yang diambil dalam menangani pandemik COVID-19 ini, maka Kerajaan bersetuju supaya satu frasa baharu iaitu **“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”** ditambah sebelum frasa **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”** dalam semua surat rasmi Kerajaan. Frasa ini akan digunakan selagi mana Proklamasi Darurat masih berkuatkuasa.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (LPU) Bil. 3/2021 pada 9 Februari 2021 telah bersetuju untuk menerima pakai dan menguatkuasakan arahan tersebut serta merta. Manakala frasa **“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”** yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan masih digunakan seperti biasa.
3. Sehubungan itu, semua pihak dimohon mengambil maklum berhubung penggunaan frasa **“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”** dalam penyediaan surat rasmi UMK.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


MAZULA BINTI SABUDIN

Pendaftar

17 FEBRUARI 2021

- s.k - Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab